




Detik Bersejarah

- 1981** Memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur, bagi mencontohi etika kerja negara sebelah Timur terutamanya Jepun. Contoh terbaik ialah projek pembinaan Kompleks Dayabumi dan Jambatan Pulau Pinang.
- 1982** Menyeragamkan masa di seluruh negara. Semua jam di Semenanjung Malaysia yang lebih cepat 30 minit diseragamkan dengan waktu di Sabah dan Sarawak pada tahun berkenaan. Menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bertujuan menggalakkan Bumiputera menabung yang diuruskan oleh pengurusan saham Bumiputera dalam saham amanah. Memperkenalkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah bagi membersihkan budaya rasuah di kalangan kakitangan kerajaan. Memperkenalkan sistem clock-in punch-card kepada kakitangan kerajaan. Memperkenalkan tanda nama kepada kakitangan kerajaan.
- 1983** Memperkenalkan konsep pengkorporatan Malaysia di mana kerajaan dan sektor swasta bekerjasama dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Mengumumkan Dasar Pensiwaan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan sekali gus mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan. Memulakan kempen Kepemimpinan Melalui Teladan. Mengumumkan rancangan untuk projek kereta nasional.
- 1984** Mensasarkan 70 juta jumlah penduduk menjelang tahun 2010. Memperkenalkan Dasar Pertanian Kebangsaan bagi membantu meningkatkan tahap pendapatan petani dengan menubuhkan estet mini dan meningkatkan skil pengurusan mereka.
- 1985** Kereta Nasional Proton Saga mula dikeluarkan.
- 1987** Dipilih menjadi Presiden International Conference On Drug Abuse and Illicit Trafficking.
- 1988** Menyusun semula Umno selepas diisytiharkan tidak sah pada tahun sebelumnya.
- 1989** Menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel dan memperkenalkan Deklarasi Langkawi mengenai perlindungan alam sekitar. Menjalani pembedahan pemintasan jantung di hospital kerajaan, sebagai pengiktirafan kepada keupayaan pakar bedah tempatan.
- 1991** Melancarkan Wawasan 2020 jalan menuju ke arah sebuah negara membangun sepenuhnya dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Menubuhkan Pameran Maritim Langkawi Antarabangsa dan Aeroangkasa.
- 1993** Memperkenalkan perubahan undang-undang bagi menghapuskan imuniti pemerintah Melayu daripada pertuduhan jenayah. Mengubah tempo lagu kebangsaan Negara ku kepada tempo yang berentak lebih pantas.
- 1995** Menjadi pemimpin pertama di dunia menjawab pertanyaan secara langsung di Internet.
- 1997** Menggubal Agenda Teknologi Nasional sebagai usaha menjadikan negara sebuah pusat pintar teknologi multimedia dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia.
- 1998** Mengenakan pengawalan mata wang bagi mengekang spekulasi mata wang terhadap nilai Ringgit dan menyelaraskan pengaliran modal jangka pendek. Pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), hasil buah fikiran Dr Mahathir sendiri.
- 1999** Berpindah ke pusat pentadbiran baru di Putrajaya. Pelancaran rasmi bangunan tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas bertepatan dengan ulang tahun Hari Kemerdekaan. Membuka Istana Budaya yang mampu menempatkan 1,500 orang. Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan penuh berprestij Formula 1, Petronas Malaysia Grand Prix, buat julung-julung kalinya. Satu lagi hasil idea kreatif Dr Mahathir, acara ini dijalankan di Litar F1 Antarabangsa Sepang.
- 2000** Sabtu minggu ketiga setiap bulan diisytiharkan hari cuti bagi kakitangan awam di seluruh negara. Kereta pertama buatan Malaysia sepenuhnya, Proton Waja dilancarkan oleh Dr Mahathir.
- 2001** Mengusulkan cadangan penggunaan Dinar Islam yang berbentuk emas sebagai usaha menggantikan penggunaan mata wang dolar Amerika di pasaran antarabangsa. Mewujudkan pakej rangsangan ekonomi khusus bertujuan menangani suasana kelembapan ekonomi dunia. Pakej ini berjaya mencapai pertumbuhan positif 0.4 peratus dan berjaya mengelakkan negara daripada kemelesetan ekonomi.
- 2002** Mengumumkan peletakan jawatan pada majlis penutupan Perhimpunan Agung Umno sehingga mengejutkan semua pihak dan rakyat pelbagai lapisan. Dr Mahathir dan Datuk Fadzil Noor menandatangani Deklarasi Sokongan Malaysia terhadap rakyat Palestin dan menentang kekejaman Israel terhadap dunia Islam.
- 2003** Dr Mahathir merintis jalan Malaysia jadi Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) mempengerusikan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang terakhir buatnya sebelum mengundurkan diri secara rasmi dari tampuk pemerintahan negara sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.



DR MAHATHIR mengangkat sumpah sebagai Menteri Kabinet disaksikan Tun Abdul Razak Hussein pada 11 September 1974.



DR MAHATHIR mengumumkan barisan Kabinet pada Julai 1981 dan kiri membuang undi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, Alor Star pada Pilihan Raya Umum 1982.